

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 20.5.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai peminjam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang telah diisytihar bankrap kerana tidak menjelaskan hutang mengikut kategori bangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada peminjam PTPTN yang telah diisytihar bankrap kerana tidak menjelaskan pinjaman PTPTN. Setakat ini, tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan adalah dengan penghantaran notis-notis peringatan sehinggalah penyenaian hitam daripada meninggalkan negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia, tindakan saman di mahkamah dan terkini menyenaraikan peminjam tegar di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (*Central Credit Reference Information System, CCRIS*).